

## FUTSAL

### **1.0 PERATURAN PERTANDINGAN**

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) dan Peraturan AM Karnival Sukan Mahasiswa UiTM.

### **2.0 JENIS PERTANDINGAN**

Pertandingan antara pasukan.

### **3.0 PENDAFTARAN PEMAIN/PEMBENTUKAN PASUKAN**

- 3.1** Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar EMPAT BELAS (14) orang pemain.
- 3.2** Pendaftaran pemain ini hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan dimulakan.
- 3.3** Senarai nama pemain dalam borang pendaftaran perlawanan hendaklah diserahkan kepada pengadil bertugas lima belas (15) minit sebelum sesuatu perlawanan dimulakan.
- 3.4** Hanya pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

### **4.0 PERTUKARAN PEMAIN**

Sembilan (9) orang pemain boleh ditukar secara 'Rolling'.

### **5.0 PAKAIAN DAN WARNA PASUKAN**

- 5.1** Setiap pasukan diminta menyediakan dua (2) set pakaian pasukan yang berlainan warna. Pakaian ini hendaklah meliputi seperti berikut:
  - 5.1.1 Baju / Jersi hendaklah bermombor
  - 5.1.2 Seluar (memakai seluar track (pemain wanita sahaja) / seluar 'tight' bagi pemain wanita yang memakai seluar pendek).
  - 5.1.3 Stokin panjang diwajibkan.
  - 5.1.4 Shinpad diwajibkan pakai.
- 5.2** Sekiranya pengadil mendapati kedua-dua pasukan dalam sesuatu perlawanan memakai jersi yang mengelirukan, pasukan yang dinamakan dahulu wajib menukar warna jersi mereka.

### **6.0 SISTEM PERTANDINGAN**

Sila rujuk perkara 9.0 Peraturan Am.

## 7.0 PENGADIL

Pengadil yang bertauliah akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola bermula daripada pusingan awal hingga ke perlawanan akhir.

## 8.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN

### 8.1 Secara Liga

8.1.1 Cara memberi mata :

Menang - 3 mata

Seri - 1 mata

Kalah - 0 mata

8.1.2 Jika dua (2) atau lebih pasukan memperolehi mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut :

8.1.2.1 Pasukan yang memenangi lebih perbezaan gol akan dikira pemenang.

8.1.2.2 Jika masih sama, pasukan yang menjaringkan lebih banyak gol dikira pemenang.

8.1.2.3 Jika masih sama, pasukan yang telah mengalahkan pasukan lawannya dalam perlawanan awal akan dikira pemenang.

8.1.2.4 Jika masih sama, pemenang akan ditentukan melalui sepakan penalti.

### 8.2 Pusingan Kedua, Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir

8.2.1 Perlawanan akan dijalankan secara kalah singkir.

8.2.2 Jika dua (2) atau lebih pasukan memperolehi mata yang sama, makapemenang akan ditentukan seperti berikut :

8.2.2.1 Sepakan penalti sebanyak TIGA (3) kali secara berselang seliakan dijalankan.

8.2.2.2 Jika masih seri, maka sepakan penalti secara 'sudden death' akan digunakan.

## 10.0 MASA PERMAINAN

10.1 Masa permainan adalah : **DUA PULUH (20) minit untuk pasukan lelaki** bagisetiap separuh masa dan masa rehat adalah selama lima (5) minit **(RUNNINGTIME)**

10.2 Masa permainan adalah: **DUA PULUH (20) minit untuk pasukan wanita** bagisetiap separuh masa dan masa rehat adalah selama lima (5) minit **(RUNNINGTIME)**

## 11.0 KELEWATAN DAN KETIDAKHADIRAN

- 11.1 Hanya LIMA BELAS (15) minit sahaja diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas itu, pihak lawannya akan diberikan kemenangan percuma denganskor 3-0.

## 12.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanannya tidak dapat dimainkan atau sekiranya sesuatu perlawanannya diberhentikan akibat hal-hal luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanannya yang ditunda atau diberhentikan itu akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal / Pengelola.

## 13.0 PENGGANTUNGAN SEMENTARA DAN TINDAKAN DISIPLIN

- 13.1 Pemain yang diberikan KAD MERAH (perintah keluar) tidak boleh bermain di dalam permainan yang sama dan digantung SATU (1) perlawanannya berikutnya secara automatik.
- 13.2 Pemain yang menerima DUA (2) kad kuning digantung SATU (1) perlawanannya berikutnya secara automatik.

## 14.0 BANTAHAN

Sila rujuk perkara 14.0 Peraturan Am.

## 15.0 JURI RAYUAN

Sila rujuk perkara 16.0 Peraturan Am.

## 16.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARiSMA) yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.